

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: BERTULIS**

**DARIPADA: YB TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID**

**TARIKH:**

**SOALAN:**

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan langkah-langkah terhadap syarikat-syarikat yang menindas kesatuan sekerja (pimpinan kesatuan) dalam memperjuangkan hak mereka.**

**PR-1342-T74692**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di Pertua,

1. Kementerian amat prihatin terhadap mana-mana pemimpin kesatuan sekerja yang didapati telah ditindas oleh majikan dalam memperjuangkan hak-hak kesatuan mereka. Antara langkah-langkah yang boleh di ambil terhadap majikan sebegini adalah;
2. Majikan yang mendiskriminasi dan menindas kesatuan sekerja termasuk pemimpin kesatuan sekerja bermakna telah melanggar peruntukan di bawah Seksyen 4, 5 & 7 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177). Seksyen 4, 5 & 7 Akta 177 memperuntukkan hak pekerja untuk menujuhkan kesatuan dan juga menjadi ahli kesatuan sekerja serta menjalankan aktiviti-aktiviti kesatuan sekerja yang sah dari segi undang-undang. Sekiranya terdapat penindasan mengenainya, ianya boleh dilaporkan kepada Ketua Pengarah Jabatan Perhubungan Perusahaan di bawah Seksyen 8, Akta 177. Aduan penindasan tersebut akan disiasat melalui sesi rundingan damai dan sekiranya tiada penyelesaian dicapai, ianya akan diputuskan oleh YB Menteri Sumber Manusia samada untuk merujukkan kes tersebut ke Mahkamah Perusahaan atau sebaliknya.
3. Selain itu, di bawah sub seksyen 59(1) Akta 177, ianya turut memperuntukkan perlindungan terhadap pekerja-pekerja termasuk

pemimpin kesatuan. Pelanggaran terhadap seksyen ini boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi setahun atau denda tidak melebihi RM 2,000.00 atau kedua-duanya sekali kepada mana-mana orang yang didapati bersalah melanggar peruntukan tersebut.

4. Akta 177, melalui peruntukan Seksyen 20 memberi ruang dan peluang kepada mereka untuk dipulihkan semula ke jawatan asal tanpa hilang kekanan dalam tempoh 60 hari daripada tarikh pembuangan kerja di Jabatan Perhubungan Perusahaan. Ini bermakna bahawa pemimpin kesatuan atau ahli-ahlinya yang telah ditamatkan dan merasakan bahawa penamatkan mereka tidak mempunyai sebab dan alasan yang munasabah, mereka boleh membuat pembelaan dalam kes representasi mereka untuk mendapatkan keadilan bagi tujuan dipulihkan ke jawatan asal.